

15 APR 1998

Mahathir-Johor

ATURCARA PADAT UNTUK DR MAHATHIR DALAM LAWATAN KE JOHOR

JOHOR BAHRU, 15 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai aturcara yang padat apabila beliau melakukan lawatan rasmi dua hari ke Johor mulai Sabtu ini.

Sebaik tiba di Johor pada pagi Sabtu, Dr Mahathir dan rakan sejawatannya di Singapura, Goh Chok Tong akan merasmikan Jambatan Laluan Kedua yang menghubungkan Tanjung Kupang di Johor dan Tuas di Singapura.

Singapura dan Malaysia sama-sama membina laluan kedua itu. Republik itu membina 0.3km daripada jambatan sepanjang dua kilometer dengan belanja S\$600 juta manakala Malaysia membina 1.7km lagi, termasuk jalan enam lorong yang menghubungkan jambatan itu dengan Lebuhraya Utara Selatan dengan kos RM1.2 bilion.

Menurut jadual aturcara lawatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan di sini hari ini, selepas upacara perasmian itu Dr Mahathir akan melawat tapak projek pelabuhan kedua di Tanjung Pelepas, dekat Gelang Patah, yang bernilai RM2.1 bilion.

Selepas itu, beliau akan berjumpa dengan jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Johor di Saujana, kediaman rasmi Menteri Besar, sebelum menghadiri jamuan tengah hari bersama rakyat di tempat yang sama.

Pada 3 petang, beliau akan melawat Kompleks Bebas Cukai di Stulang Laut di sini dan menghadiri perasmian kompleks itu pada pukul 8 malam.

Pada hari Ahad, Perdana Menteri akan merasmikan Grand Prix motosikal dunia di Litar Pasir Gudang, 44km dari sini.

Malaysia ialah negara kedua di Asia selepas Jepun yang dipilih menganjurkan perlumbaan itu untuk benua Asia.

Grand Prix kali ini merupakan yang pertama diadakan di luar Shah Alam sejak 1991 dan juga perlumbaan kedua tahun ini selepas Suzuka, Jepun pada 5 April lepas.

Pada pukul 12.15 tengah hari, Dr Mahathir akan melancarkan "Program Integrasi Ruminan Negara Dalam Ladang" di Ladang Yayasan Pelajaran Johor di Km 17 Jalan Kulai-Kota Tinggi.

Aturcara terakhir Perdana Menteri sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur ialah perasmian bangunan terminal baru Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai. -- BERNAMA

MKO MAI